

## FAKULTI PERUBATAN DI BUMI KENYALANG

Kelab Kakitangan Sekolah Perubatan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bumi Kenyalang, Sarawak pada 6-12 Oktober 2008. Lawatan ini telah disertai hampir 40 kakitangan SPU. Perjalanan menggunakan bas ke Sarawak mengambil masa selama 2 hari untuk tiba di UNIMAS. Fakulti Perubatan dan Kesihatan UNIMAS merupakan tempat utama yang dilawati dan kami disambut dengan mesra oleh kakitangan Fakulti Perubatan UNIMAS disertai oleh Dekannya Tan Sri Datu Prof. Dr. Mohamad Taha Arif

Seterusnya, kami semua dibawa melawat ke perpustakaan, bilik kuliah pejar perubatan dan makmal kemahiran klinikal. Para peserta rombongan mengambil peluang untuk bertanyakan soalan-soalan bagi mendapatkan maklumat penting untuk diadaptasikan di Sekolah Perubatan.

Pada sebelah petang, kami mengadakan perlawanan persahabatan futsal dan boling. Wakil dari Sekolah Perubatan bertungkus lumus untuk menjaringkan gol. Namun, rezeki tidak berpihak kepada SPU. Walaupun penat, kedua-dua pasukan sangat gembira dan berharap kerjasama di antara Sekolah Perubatan UMS dan Fakulti Perubatan dan Kesihatan UNIMAS akan diteruskan lagi.

